



SESI bergambar bersama pelajar UMS dan Osaka Jepun.

## Program Mobiliti gabung pelajar UMS dan OIT di Osaka

OSAKA (Jepun): Seramai 10 pelajar dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dipilih dalam program pertukaran pelajar bersama Program Mobiliti Sakura Science Plan yang dikelola oleh Japan Science and Technology Agency di bandaraya Osaka, Jepun.

Program yang berjalan sepanjang satu minggu ini bermula 9 hingga 15 Jun 2019 diadakan di Institusi Teknologi Osaka (OIT) adalah 'Problem-Based Learning' yang mengutamakan pertanian sebagai motif utama dalam program ini terutama dalam penuaian, pemuatan, dan pengangkutan.

Program ini menggabungkan 10 pelajar dari OIT untuk bersama-sama mencadangkan

penyelesaian bagi masalah kompleks kejuruteraan yang diutarakan.

Usahasama di antara Jepun dan Malaysia ini adalah acara julung kalinya yang diadakan bagi mencetuskan idea dan minat pelajar dalam bidang pertanian seterusnya mendalami beberapa jenis pertanian seperti kelapa sawit, padi, dan durian.

Dekan OIT Prof Mieko Ohsuga, menyatakan bahawa majlis ini memberikan impak yang positif kepada semua pihak dimana para pelajar di antarduanegara bekerjasama dalam menyelesaikan senario yang sering berlaku dalam bidang pertanian.

Timbalan dekan Fakulti Kejuruteraan UMS Dr. Mohd Kamel Wan Ibrahim, mengucapkan tahniah

kepada semua pelajar atas penyertaan antarabangsa dan berharap agar program ini berpanjangan.

Bagi memberikan para pelajar perspektif yang lebih luas, pihak institut membawa mereka melawat ke Yanmar Laboratories, Kurashiki dalam menyelesaikan masalah yang berlaku dalam arus pertanian hari ini.

Tempoh tiga hari diberikan kepada para pelajar untuk membuat prototaip dan mereka membuktikan bahawa dua bahasa yang berbeza bukan menjadi masalah dalam bidang kejuruteraan ini.

Program ini adalah sebahagian daripada memorandum persefahaman yang ditandatangani antara UMS dan OIT pada November tahun lepas.



Pelajar UMS bergambar bersama ketika menghadiri program itu.

